



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"HIJRAH MERINTIS MODEL EKONOMI ISLAM"

13 Ogos 2021 / 4 Muharram 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِل:

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرْعَمًا كَثِيرًا وَسَعَةً² وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا
إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ³ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا⁴

Maksudnya: Dan sesiapa berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang luas; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah An-Nisa': 100)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ⁴ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah Nya, dan menjauhi setiap larangan Nya. Mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "**HIJRAH MERINTIS MODEL EKONOMI ISLAM**"

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Peristiwa Hijrah merupakan titik mula umat Islam berjaya memerdekakan diri daripada penindasan, muncul sebagai umat yang mulia, mempunyai pemerintahan dan kekuatan, menguasai ilmu, ekonomi dan kekayaan. Hijrah memberikan ruang kepada Rasulullah SAW ...

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



membina kehebatan ummah. Bertunjangan iman dan takwa yang mengukuhkan pegangan akidah, peristiwa Hijrah telah mendorong kepada perubahan konsep beribadah, mewujudkan landskap baru sosial, memperkenalkan adab dan akhlak yang tinggi, hingga ummah berjaya membina tamadun yang agung. Peristiwa Hijrah meniupkan semangat pembaharuan dan berjaya menyuntik keyakinan dalam jiwa umat Islam untuk terus berusaha mencipta kejayaan demi kejayaan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Dalam hasrat mahu membangunkan ekonomi ummah susulan peristiwa Hijrah, Rasulullah SAW bersama para sahabat telah memperkenalkan pendekatan-pendekatan berikut:

Pertama: Melalui Piagam Madinah, Rasulullah SAW membuktikan kepimpinan Baginda diterima oleh masyarakat Madinah, membolehkan Baginda menstabilkan suasana politik di Madinah, penduduknya hidup dalam suasana aman dan berpadu lalu membolehkan usaha dapat ditumpukan untuk membangunkan ekonomi ummah secara mantap.

Kedua: Selain membina masjid sebagai pusat pentadbiran dan perpaduan, Rasulullah SAW mencari tapak untuk membina pasar yang membolehkan umat Islam mengurus niaga. Baginda tidak merampas atau memusnahkan pasar-pasar sedia ada, tetapi membina pasar baru yang memberikan pilihan untuk mewujudkan persaingan perniagaan secara sihat. Baginda memperkenalkan konsep pasar wakaf, iaitu, menyediakan tapak pasar tanpa bebanan sewa, agar para peniaga dapat bersaing dengan para peniaga di pasar milik Yahudi yang sudah sekian lama bertapak. Dalam Musannaf Ibn Abi Syaibah diriwayatkan; “Baginda pergi bersamanya ke Pasar Madinah pada hari itu. Abu Usaid melanjutkan cerita, lalu Nabi SAW menghentakkan kaki dan bersabda, “Ini ialah pasar saudara semua, jangan dikurangkan (kawasan tapak) dan jangan dibebankan dengan sewa tapak padanya.”

Ketiga: Rasulullah SAW berjaya memecahkan sistem monopoli barangan. Sebelum hijrah, penduduk Madinah terpaksa membeli air daripada telaga milik Yahudi dengan harga mahal. Baginda menawarkan kepada sahabat yang sanggup membeli telaga untuk diwakafkan supaya penduduk Madinah mendapat air secara percuma. Akhirnya, pemilik telaga terpaksa menjual semua telaga kepada Sayidina Uthman kerana jualan air mereka tidak lagi mendapat sambutan.



Keempat: Rasulullah SAW memperkenalkan pelbagai budaya baharu, menghidupkan budaya persaudaraan Muhajirin dan Ansar, mengharamkan riba yang menjadi punca utama eksploitasi, menghapuskan amalan yang kaya bertambah kaya sedangkan yang miskin terus tertindas, menggalakkan pinjaman tanpa faedah (qardhul hasan) dan infak fisabilillah yang dijadikan dasar pembangunan sosioekonomi. Masyarakat dermawan yang berjaya dibentuk, merubah budaya hidup penduduk Madinah yang sebelumnya lebih memikirkan keuntungan.

Kelima: Rasulullah SAW menggalakkan para sahabat berniaga dan bekerja kerana pada ketika itu, berniaga merupakan sumber terbaik ekonomi, antara sabda Nabi SAW:

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّينَ، وَالصِّدِّيقِينَ، وَالشُّهَدَاءِ

Maksudnya: “Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, orang yang jujur dan orang yang syahid.” (Hadith riwayat al-Tirmizi 1209, hadith ini hasan menurut al-Tirmizi)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pengajaran yang dapat dirumuskan daripada perancangan dan tindakan Nabi SAW dan para sahabat untuk meningkatkan ekonomi umat Islam adalah:

Pertama: Memperkasakan wakaf. Wakaf berperanan besar untuk memajukan ekonomi ummah; dan dana wakaf perlu diperluaskan kegunaannya untuk membina tapak-tapak perniagaan, hospital, universiti, pusat latihan dan pelbagai kemudahan yang dapat membantu meningkatkan kegiatan ekonomi ummah.

Kedua: Mengukuhkan institusi zakat. Zakat yang diuruskan dengan berkesan dapat memberi manfaat besar untuk mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan ditingkatkan menjadi masyarakat pertengahan hingga mencapai tahap kaya.

Ketiga: Budaya tolong menolong, bersedekah, memberi hutang tanpa mengambil keuntungan (qardhul hasan) merupakan antara perkara yang telah membantu kejayaan ummah terdahulu yang wajib terus dihidupkan.

Keempat: Rasulullah SAW dan para sahabat menggunakan kekuatan ekonomi sebagai salah satu tunjang utama untuk memperkasa dakwah dan membina kekuatan umat Islam. Sedarilah! Umat Islam jika gagal menguasai ekonomi akan terus tertinggal ke belakang dan dihina.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita sedang menghadapi wabak COVID-19 dengan angka jangkitan dan angka kematian yang kian meningkat. Amat berat ujian Ilahi yang kita hadapi ini. Pada hari Jumaat, penghulu segala hari, ketika kita sedang menjadi tetamu di rumah Allah ini, marilah kita berazam membuktikan ketaatan, meninggalkan maksiat, beristighfar dan bertaubat agar kita diampunkan dari segala dosa; di samping memohon ke hadrat Allah SWT, memperkenankan doa, agar kita dibebaskan dari ancaman wabak COVID-19, dan dikembalikan kepada kita, kebahagiaan menjalani kehidupan harian seperti biasa. Firman Allah SWT dalam surah al Anbiya' ayat 35:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya: "Setiap yang bernyawa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan. Dan kamu akan dikembalikan hanya kepada Kami".

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ،
وَتَثَبْتَهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينِ،
وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا،
وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ
بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁹ Doa Untuk Kaum Muslimin